SAMPEL PERCUMA

Skema Jawapan Trial STPM Pengajian Perniagaan Semester 3

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

F4: **Kumpulan Fokus**
H1: Pengumpulan maklumat dalam **format berstruktur**.
H2: Ahli kumpulan berasal daripada latar belakang sosioekonomi yang berbeza.
H3: Kaedah ini bukan sahaja dapat menjana idea baharu, malah merupakan kaedah yang baik untuk menyaring idea dan konsep baharu.

[(1F1H=2m) x 3 = 6m]

3	Huraikan **tiga** jenis kemudahan dan bantuan yang boleh diberikan kepada seseorang usahawan.	[6]

Tiga kemudahan yang boleh diberikan kepada seseorang usahawan ialah:-
F1: **Bantuan kewangan** [1]
H1: Skim bantuan kewangan dan pinjaman untuk usahawan Bumiputera [1]
H2: Diberi dalam bentuk pinjaman, subsidi, geran/ peruntukan kerajaan
Contoh: Pinjaman Mudah untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

F2: **Tapak kilang**
H1: Membantu usahawan mendapatkan premis atau lokasi perniagaan
Contoh: Zon Perdagangan Bebas (FTZs)

F3: **Khidmat nasihat dan perundingan**
H1: Khidmat nasihat diperoleh daripada profesional, agensi kerajaan dan sebagainya
H2: Tiga bentuk program khidmat nasihat utama ialah:
* perkhidmatan pengurusan perundingaan
* program peningkatan kualiti barangan dan produktiviti
* Khidmat nasihat membangun dan mereka bentuk keluaran

F4: **Pembangunan usahawan**
H1: Sediakan program dalam melahirkan usahawan tekno dan tawarkan kursus untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera
Contoh: Program membangun vendor, program pembangunan francais dan program mentor

F5: **Pemasaran**
H1: Membantu memasarkan produk usahawan melalui promosi/ pengiklanan/ ruang pameran
Contoh: FAMA sediakan pasar tani, MARA buka kepada IKS untuk pameran luar negara, MATRADE bantu promosi luar negara

[(1F1H=2m) x 3 = 6m]

4	Nyatakan **empat** elemen dalam rancangan perniagaan selain rancangan pemasaran.	[4]

Empat elemen dalam rancangan perniagaan selain rancangan pemasaran ialah:
1) Rumusan eksekutif
2) Pengenalan
3) Objektif
4) Latar belakang syarikat
5) Latar belakang pemilik / ahli kongsi

6) Latar belakang projek
7) Rancangan organisasi
8) Rancangan pengeluaran / operasi
9) Rancangan kewangan
10) Kesimpulan

[4FX1M = 4M]

5	Jelaskan elemen pemasaran rancangan perniagaan bagi syarikat permainan kanak-kanak berdasarkan elemen di bawah: *(a)* Produk *(b)* Sasaran pasaran *(c)* Persaingan	 [2] [2] [2]

(a) **Produk**
H1: Rancangan perniagaan yang ditetapkan dalam aspek produk ialah menyatakan ciri-ciri produk permainan kanak-kanak. [1]
C: Syarikat mengeluarkan patung permainan kanak-kanak yang berjenama Barbie. [1]

(b) **Sasaran pasaran**
H1: Usahawan perlu menyatakan dengan jelas dalam rancangan perniagaan lokasi, strategi pemasaran dan pengguna produk. [1]
C: Patung permainan Barbie adalah sesuai untuk kanak-kanak perempuan [1]

(c) **Persaingan**
H1: Dalam rancangan perniagaan, usahawan perlu mengenal pasti siapa sebenar pesaing, bilangan pesaing dan lokasi pesaing dalam sesuatu pasaran. [1]
C: Pesaing utama syarikat Barbie ialah Bratz Doll [1]

[(1H1C = 2M) x 3 = 6M]

6	Senaraikan **empat** strategi memasuki perniagaan antarabangsa.	[4]

Empat strategi memasuki perniagaan antarabangsa ialah:
1) Import [1]
2) Eksport
3) Kontrak pengeluaran
4) Pelesenan
5) Francais
6) Usaha sama
7) Subsidiari
8) Operasi serah kunci

[4FX1M = 4M]

7	Jelaskan **dua** cabaran yang dihadapi oleh syarikat multinasional.	[6]

Dua cabaran yang dihadapi oleh syarikat multinasional ialah:

F1: **Ekonomi** [1]

H1: Sistem ekonomi yang diamalkan berbeza antara sesebuah negara akan mempengaruhi aktiviti perniagaan antarabangsa dari segi keuntungan/ [1]

H2: Jika kemelesetan ekonomi, negara tersebut akan berdepan dengan masalah pengangguran dan kehilangan pekerjaan. Maka permintaan terhadap produk syarikat multinasional akan berkurang.

Contoh yang bersesuaian [1]

F2: **Struktur organisasi**

H1: Struktur organisasi syarikat yang berbeza menyukarkannya untuk memilih bentuk penjabatanan/

H2: Struktur organisasi yang berbeza juga menyukarkan bagi menentukan pengagihan autonomi kepada subsidiari

Contoh yang bersesuaian

F3: **Sosiobudaya**

H1: Perbezaan sosial dan budaya antara negara di mana ia beroperasi dengan negara asalnya menyebabkan sesebuah syarikat multinasional mengubahsuai amalan dan gaya pengurusan bagi menangani persekitaran kebudayaan di negara di mana mereka beroperasi

Contoh bersesuaian

F4: **Kawalan pengurusan**

H1: Kaedah kawalan pengurusan yang dilakukan perlu berbeza disebabkan oleh lokasi yang jauh dan menyukarkan penetapan kepada satu bentuk struktur pentadbiran sama ada pentadbiran berpusat atau tidak berpusat

Contoh bersesuaian

F5: **Politik dan perundangan**

<u>Politik</u>

H1: Sistem politik yang berbeza antara negara juga menyebabkan polisi dan undang-undang sesebuah negara berbeza akibat campur tangan kerajaan di negara di mana sesebuah syarikat multinasional beroperasi

Contoh yang bersesuaian/

<u>Perundangan</u>

H2: Sistem perundangan yang diamalkan sesebuah negara berbeza disebabkan peraturan-peraturan perdagangan yang ketat yang perlu dipatuhi oleh syarikat multinasional./

H3: Sistem perundangan antara sesebuah negara berbeza disebabkan tarif yang dikenakan ke atas syarikat multinasional menyebabkan kos mengimport barangan meningkat

Contoh yang bersesuaian

[(1F1H1C=3m) x 2 = 6m]

8	Jelaskan kaedah penyelesaian perdagangan berikut: *(a)* Perdagangan barter *(b)* Perbankan koresponden	 [2] [2]

(a) **Perdagangan barter**
H1: Perdagangan barter melibatkan pertukaran produk antara negara yang berniaga tanpa melibatkan penggunaan mata wang negara asing [1]
H2: Perdagangan barter dapat dilaksanakan apabila mendapat persetujuan pemerintah dua buah negara pengeksport dan pengimport
Contoh: Syarikat Malaysia memerlukan tepung sementara syarikat US memerlukan bekalan petroleum [1]

(b) **Perbankan koresponden**
H1: Perbankan koresponden merujuk pengeksport akan bertindak dengan melantik sebuah bank di luar negara sebagai agen untuk bertindak bagi pihaknya.
H2: Bank yang dilantik oleh pengeksport akan menerima bayaran daripada pengimport dan dimasukkan dalam akaun pengeksport.
H3: Draf urusniaga dan pembayaran akan ditandatangani antara pengeksport dan pengimport supaya penyelesaian bayaran di buat.
Contoh: Syarikat perabot Malaysia melantik Maybank cawangan di Thailand

[(1H1C=2m) x 2 = 4m]

9	*(a)* Berikan maksud *rasuah*. *(b)* Nyatakan **dua** jenis kesalahan rasuah yang utama menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan berikan hukuman terhadap kesalahan rasuah tersebut.	[1] [3]

(a) Maksud rasuah
- Dengan niat salah menerima atau memberi suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan/ tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkait dengan tugas atau urusan rasmi principal berkenaan. [1]

(b) Dua jenis kesalahan rasuah yang utama menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ialah:
1) meminta atau menerima rasuah (sek. 16 & 17(a)) [1]
2) menawar atau memberi suapan (sek. 17(b)) [1]
3) mengemukakan tuntutan palsu (sek. 18)
4) menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan (sek. 23)

Hukuman terhadap kesalahan rasuah tersebut ialah
1) hukuman penjara untuk tempoh tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun [1]
2) denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

[Maksud = 1m]
[(2Kesalahan+ 1Hukuman = 3m]
[Jumlah = 4m]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar